


# Buletin Pendaftar

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



## PASCA COVID-19 NORMA BAHARU

**PELAKSANAAN  
OPERASI JABATAN**

**PEMBANGUNAN  
KOMPETENSI  
STAF PEJABAT PENDAFTAR**

**Perkongsian Ilmu**

**PEMBUATAN  
KEPUTUSAN**

**PEMBANGUNAN SISTEM HR2U**



## PEMBANGUNAN SISTEM HR2U

Proses pembangunan sistem tetap diteruskan dalam tempoh PKP ini. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekangan dari segi pelaksanaan pembangunan kerana proses pembangunan sistem yang kompleks melibatkan pengguna sistem, pentadbir sistem dan pasukan teknikal dan juga pihak luar (syarikat yang dilantik untuk pembangunan sistem HR2U). Mesyuarat perlu dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat bagi membangunkan sesuatu proses kerja secara atas talian (online). Semakan dokumen-dokumen kerja bagi pembangunan sistem juga perlu dibuat agar maklumat perbincangan didokumentasikan dengan baik supaya tidak berlaku kesilapan dan maklumat yang tertinggal untuk dimasukkan dalam sistem. Uji lari modul yang telah siap dibangunkan juga perlu dilaksanakan agar sistem benar-benar telah memenuhi spesifikasi yang dikehendaki dan diperlukan sebelum ianya dilancarkan (go live). Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- UAT HR Analitik
- ReUAT Meninggalkan Perkhidmatan
- Mesyuarat Modul Latihan & Kompetensi
- Mesyuarat Modul Pengambilan
- Mesyuarat Modul Sistem Kehadiran (TMS)
- Sesi Re-UAT: Modul Meninggalkan Perkhidmatan
- Mesyuarat HR2U: Modul Pertukaran
- Perbincangan FRS Modul Pelan Penggantian bersama pihak ILD dengan kehadiran PNC baharu
- Mesyuarat Status Pembayaran HR2U
- Mesyuarat HR2U: Modul Lantikan Akademia
- Mesyuarat HR2U: Modul Latihan & Kompetensi - Komponen ESI-IDART





**PEJABAT PENDAFTAR**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA